

PESERTA SKIM MENANDATANGANI KONTRAK DENGAN GROPOINT SDN BHD *SCHEME PARTICIPANTS SIGN CONTRACT WITH GROPOINT SDN BHD*

Semua 20 peserta skim penanaman cili dibawah Superfish Growers telah menandatangani kontrak mereka dengan syarikat Gropoint Sdn Bhd dalam satu majlis yang diadakan pada hari Rabu, 31 Mac 2021 di Ibu Pejabat Nexus. Menandatangani bagi pihak Syarikat Gropoint ialah Pengarah Dayang Eileen Lee Hui Shi. Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Puan Hj Azura bte Hj Mohd Tahir, Nexus, Madam Ang Siok Tuan, DST DevCo dan Puan Hj Norfaezah bte Hj Ibrahim, Evolve Me.

The 20 participants of the chili farm project under Superfish Growers signed their contracts with Gropoint Sdn Bhd in a ceremony held on Wednesday, 31 March 2021 at Nexus Headquarters. Signing on behalf of GroPoint was its Director, Ms Eileen Lee Hui Shi. Present to witness the signing were Puan Hj Azura bte Hj Mohd Tahir, CEO, Nexus, Madam Ang Siok Tuan, CEO, DST DevCo dan Puan Hj Norfaezah bte Hj Ibrahim, CEO, Evolve Me.



Para peserta dari Nexus, Evolve.Me dan DST DevCo menandatangani dokumen kontrak dengan disaksikan oleh Hj Azura dan Madam Ang Siok Tuan

The participants from Nexus, Evolve.Me and DST DevCo signing the contract documents witnessed by Hj Azura and Madam Ang Siok Tuan



Dayang Eileen Lee Hui Shi, Pengarah GroPoint Sdn Bhd dan Puan Hj Norfaezah
Ms Eileen Lee Hui Shi, Director of GroPoint Sdn Bhd and Hj Norfaezah, CEO, Evolve Me



Peserta skim dari Nexus, DST DevCo dan Evolve.Me
The scheme participants from Nexus, DST DevCo and Evolve.Me



Pihak pengurusan dari ketiga-tiga PDC, GroPoint Sdn Bhd dan para peserta skim
The management of the 3 PDCs, Gropoint Sdn Bhd and scheme participants

AG NUTRITION KONGSI BAGAIMANA MENJANA PENDAPATAN MELALUI PRODUK MEREKA *AG NUTRITION SHARES HOW TO GENERATE INCOME FROM THEIR PRODUCTS*

Kakitangan dan rakan sekerja Nexus minggu ini berpeluang belajar bagaimana meraih faedah kesihatan produk pemakanan yang dihasilkan oleh AG Nutrition pada masa yang sama menjana pendapatan sampingan dari keahliannya. Perkara ini dikongsi oleh ahli-ahli AG Nutrition dalam ceramah bertajuk Transformasi Kesihatan Hebat dan Ekonomi Mantap.

Nexus staff and associates this week had the opportunity to learn how to reap the health benefits of nutritional products produced by AG Nutrition at the same time generate side income from its membership. This was shared by members of AG Nutrition in a talk entitled Great Health Transformation and Robust Economy.



Ahli-ahli AG Nutrition Zeti, Pg Hj Azahari dan Pg Zukifli menyampaikan ceramah dan tunjuk ajar
AG Nutrition members Zeti, Pg Hj Azahari and Pg Zulkifli delivering their presentation and demonstration



Para hadirin semasa ceramah tersebut
The attendees during the talk

KEJOHANAN MENG GAME BERAKHIR DENGAN JAYANYA MENG GAME TOURNAMENT ENDS ON A HIGH NOTE



Sebahagian peserta | *Some of the gamers*

Kejohanan selama tiga hari anjuran Meng Game yang bermula dari 26 Mac hingga 28 Mac 2021 berakhir dengan jayanya dengan penyertaan yang sangat menggalakkan daripada para peserta yang berusia antara 12 dan 30 tahun mewakili 40 pasukan dengan setiap pasukan terdiri daripada 4 pemain. Kejohanan berlangsung Ibu Pejabat Nexus. Hadiah yang ditawarkan termasuk wang tunai \$500, 4 telefon bimbit, baucar hotel dan hadiah-hadiah saguhati.

The three-day mobile gaming tournament organised by Meng Game which was held from 26th to 28th March ended on a high note with a very encouraging participation from local gamers aged between 12 and 30 representing 40 teams with each team comprising 4 players. The tournament took place at Nexus Headquarters. Prizes offered include \$500 cash, 4 mobile phones, hotel vouchers and other consolation prizes.



Pengulas permainan dan mereka yang menyaksikan kejohanan secara langsung melalui skrin besar
The games' commentators (left) and spectators who watched the tournament live on the big screen



Sebahagian penjual makanan dan minuman di lokasi kejohanan
Some of the participating F&B vendors at the tournament venue

KUMPULAN KETIGA MENAMATKAN BENGKEL PENULISAN CV AND TEMUDUGA *THIRD GROUP COMPLETES THE CV WRITING AND INTERVIEW WORKSHOP*

Kumpulan ketiga rakan sekerja Nexus telah menamatkan bengkel penulisan CV dan temuduga yang telah diadakan di Kolej Cosmopolitan baru-baru ini. Bengkel ini memberi pendedahan kaedah penyediaan CV yang baik serta bagaimana menghadapi sesi temuduga pekerjaan.

The third batch of Nexus associates completed their CV writing and interview workshop at the Cosmopolitan College recently. They were taught how to prepare a good CV and how to cope with job interview sessions.



Rakan sekerja yang telah menamatkan bengkel penulisan CV dan temuduga di Kolej Cosmopolitan
The associates who completed the CV writing and interview workshop at Cosmopolitan College